

Qalam

125, Jamadil Akhir 1380, Disember 1960, 60 sen

Guru di Sekolah-sekolah Kita

Telah umum diketahui bahawa guru-guru, sama ada di sekolah-sekolah Melayu ataupun agama, adalah tokoh-tokoh yang besar di dalam usaha memajukan sesuatu umat kerana daripada usaha dan didikan guru-guru itulah terbitnya pemimpin-pemimpin pada tiap-tiap bangsa itu.

Kerana itu guru-guru adalah besar sungguh ertinya di dalam sesebuah negara yang merdeka terutamanya di dalam usaha-usaha menghidupkan kemajuan-kemajuan yang melayakkan sesuatu bangsa meningkat kepada taraf yang tinggi.

Hal ini dapat dibuktikan di dalam kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Guru-guru, sama ada guru-guru agama ataupun guru-guru sekolah umum adalah mengambil bahagian yang mustahak di dalam menuju kemerdekaan itu sehingga kemerdekaan dapat dicapai seperti yang ada hari ini.

Telah habiskah tugas guru-guru itu apabila kemerdekaan telah tercapai? Jawabnya belum. Tugas guru-guru itu makin jauh dan main lebar lagi perjalanannya. Tugasnya tidak akan habis-habisnya.

Kepada guru-guru itulah terletak tanggungjawab yang besar untuk mengisi kemerdekaan itu. Kepada guru-guru Melayu dan guru-guru agama terletak pula kewajipan-kewajipan yang besar yang patut diperhatikan mereka. Mereka wajib memerhati dan memikirkan dari satu ke satu masa bagaimana cara dan usaha memajukan anak-anak kita di dalam pelajaran kerana di atas

dasar yang ada sekarang bahawa orang yang memerintah negeri adalah terdiri daripada orang-orang yang berpelajaran – kalau ia tidak berkelulusan dan berpelajaran maka sudah tentu kuasa memerintah di dalam negeri akan terletak tidak lagi di tangan anak Melayu.

Tuan Qaḍi Muḥammad Farid Muḥammad Johar, di dalam suatu ucapannya di majlis Maulid al-Nabawī Sharīf di Singapura telah membawa perhatian kepada am betapa mustahaknya pengetahuan dan kelulusan anak-anak kita. Menurut katanya, hampir-hampir tidak ada sepuluh peratus anak-anak Melayu di dalam universiti jika dibandingkan dengan bangsa lain. Ini bermakna bahawa jika hal ini tidak diperhatikan ertinya kita orang-orang di Tanah Melayu sedikit sangat berkecayaan memerintah sedang kita pula, anak negeri ini, kelak akan terletak di bawah perintah yang terbanyaknya daripada orang-orang yang bukan Melayu.

Hal ini, menurut Tuan Kaḍi Farid Muḥammad, mustahak diperhatikan dan menyeru supaya tiap-tiap seorang kita memerhatikan supaya bertugas dengan bersungguh-sungguh untuk memberi pelajaran kepada anak-anak kita.

Siapa yang mesti disalahkan dalam perkara ini? Kerajaan? Tidak! Kerajaan telah menyampaikan dan melaksanakan bahawa Bahasa Melayu akan jadi Bahasa Kebangsaan. Pelajaran di sekolah-sekolah Melayu telah dirancangan dan diusahakan supaya setaraf dengan sekolah-sekolah Inggeris. Kerajaan tidak sekali-kali membelakangkan tujuan dan maksud bangsa Melayu yang menjadi tuan di tanah airnya.

Dengan kemudahan-kemudahan Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi pemerintah, maka sepatutnya inilah peluang yang besar kepada orang-orang Melayu untuk mendapat dan merebut peluang sehingga melayakkannya sampai kepada pelajaran-pelajaran tingkat tinggi tetapi dapatkah kita berbuat demikian?

Jawab atas perkara ini adalah terpulung kepada usaha guru-guru dari sekolah rendah sehingga kepada sekolah menengah, terutamanya guru-guru sekolah umum di kampung-kampung. Kepada

mereka inilah terletaknya kemajuan kanak-kanak itu belajar. Kepada mereka pula terletak amanah bangsa Melayu untuk mengisi kemerdekaan yang telah didapat dengan sebahagian besar daripada usaha dan tenaga mereka.

Apabila mengetahui bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi maka guru-guru lain-lain bangsa (bukan Melayu) bersungguh-sungguh mengajar murid-murid mereka. Bukannya dalam bahasa sahaja tetapi umumnya, sama ada guru-guru di dalam sekolah-sekolah Inggeris atau Cina mereka adalah sangat bersungguh-sungguh berusaha untuk memajukan pelajaran bangsa mereka. Mereka sesama mereka sentiasa bertukar-tukar fikiran untuk

memajukan pelajaran murid-muridnya.

Adakah ini telah ada di dalam lingkungan guru kita Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah kebangsaan? Kita percaya telah pun ada tetapi harus sangat sedikit – tidak merata seperti yang ada kepada guru-guru bangsa lain.

Untuk itu, kita berpendapat, bahawa telah tiba masanya guru-guru itu bertukar-tukar fikiran ataupun mengadakan ikhtiar mencari kerjasama memikirkan bagaimana caranya untuk memajukan pelajaran anak-anak Melayu di dalam sekolah-sekolahnya. Hal ini sangat mustahak. Sekiranya guru-guru tidak memikirkan kemajuan murid-muridnya maka janganlah diharap kelak



Gambar kenang-kenangan selepas mesyuarat Persatuan Guru-guru Sekolah Arab di seluruh Negeri Johor yang telah dilangsungkan baharu-baharu ini di Kluang. Pengenalan: Nombor 1. Ustaz Muhammad Lazim Saim Yang di-Pertua, 2. Ustaz Syed Hamid Guru Besar Sekolah Arab, Parit Raja Batu Pahat, 3. Ustaz Jaafar Setiausaha Persatuan dan nombor 4.

Ustaz Syed Taha al-Sagoff Guru Besar Sekolah Arab Segamat.